



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage: www.akademiarbaru.com/arsbs.html

ISSN: 2462-1951



Faktor-Faktor Kejayaan Usahawan Ikon Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)

Success Factors of Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) Icon Entrepreneur

Open Access

Zuriyati Yaakub^{1,*}, Nurul Ilyana Muhd Adnan¹

¹ Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ARTICLE INFO

ABSTRACT

Article history:

Received 21 February 2018

Received in revised form 12 March 2018

Accepted 2 April 2018

Available online 17 May 2018

Usahawan asnaf boleh didefinisikan sebagai individu yang melalui suatu proses penciptaan usaha niaga, mampu memikul tugas, tanggungjawab dan mencuba sebagai peniaga yang dirangsang dengan dorongan dan bantuan daripada institusi zakat di Malaysia terutamanya golongan fakir, miskin dan muallaf miskin. Islam telah menggariskan beberapa peraturan kewangan dalam mewujudkan dana untuk manfaat umat Islam dan zakat dilihat mampu untuk membantu golongan asnaf ke arah melahirkan usahawan asnaf yang berjaya. Oleh yang demikian, bantuan modal daripada dana zakat ini dapat mengelakkan individu usahawan asnaf daripada terjebak dengan masalah riba melalui kaedah qardhul al-hasan, seterusnya akan menjauhkan diri asnaf daripada terus menjadi asnaf zakat. Terdapat banyak kajian mengenai kejayaan usahawan muslim dan bumiputera dalam bidang perusahaan kecil. Namun begitu, kejayaan usahawan asnaf kurang mendapat perhatian para pengkaji disebabkan mereka adalah penerima zakat produktif yang terdiri daripada usahawan asnaf fakir dan miskin yang mempunyai banyak kelemahan dan kekurangan. Pengkaji berpendapat kajian mengenai kejayaan usahawan asnaf perlu diketengahkan bagi membuktikan keberkesanan dana zakat kepada asnaf fakir dan miskin khususnya dan memberi kepercayaan kepada pembayar zakar terhadap institusi zakat amnya. Rekabentuk kajian kes dipilih melalui kaedah temu bual secara bersemuka bersama usahawan asnaf ikon MAIM yang berjaya untuk mendapatkan data yang terlus dan tepat. Justeru itu, pengkaji mendapati faktor luaran dan dalaman memainkan peranan penting di atas kejayaan usahawan asnaf ikon MAIM. Faktor luaran yang mempengaruhi kejayaan usahawan asnaf ikon MAIM ialah bantuan modal, ilmu pengetahuan mengenai keusahawanan, sokongan dan bantuan daripada ahli keluarga dan rakan-rakan asnaf. Manakala faktor dalaman yang paling dominan ialah pengamalan ajaran agama Islam dalam kehidupan seperti bersedekah, menjaga solat 5 waktu dan niat yang ikhlas. Sikap dan minat yang mendalam dalam perniagaan juga merupakan faktor dalaman yang mempengaruhi kejayaan mereka. Sehubungan itu, masyarakat seharusnya memberi peluang kepada usahawan asnaf untuk mengubah kehidupan mereka dengan memberi kerjasama terhadap produk yang dihasilkan.

Asnaf entrepreneurs can be defined as individuals through a business creation process, capable of carrying out their duties, responsibilities and trying as traders stimulated by encouragement and assistance from zakat institutions in Malaysia especially the

* Corresponding author.

E-mail address: urduniyah1448@gmail.com (Zuriyati Yaakub)

destitute, the poor and for those who convert in Islam and poor. Islam has outlined some financial rules in creating funds for the benefit of Muslims and zakat is seen to be able to help the asnaf towards producing successful asnaf entrepreneurs. As such, the capital aid from this zakat fund can avoid ashaf entrepreneurs from being caught up with the problem of riba through the method of qardhul al-hasan, thereby avoiding asnaf from continuing to be asnaf of zakat. There are many studies on the success of Muslim entrepreneurs and Bumiputera in the field of small companies. Nevertheless, the success of asnaf entrepreneurs is less interested by researchers as they are the recipients of productive zakat which comprise the destitute and poor asnaf entrepreneurs who have many weaknesses and deficiency. The researchers think that the study of the success of asnaf entrepreneurs should be highlighted to prove the effectiveness of zakat funds to the poor and poor asnaf and to give credence to zakat payers on zakat institutions generally. The case study is designed through interviews with MAIM's successful asnaf icon to get the accurate and exact data. Hence, the researcher found that external and internal factors play an important role in the success of the MAIM icon asnaf entrepreneurs. The external factors affecting the success of MAIM icon asnaf entrepreneurship are capital assistance, entrepreneurship knowledge, support and assistance from family members and asnaf partners. While the most dominant internal factor is the practice of Islamic teachings in life such as charity, keeping the 5 time prayers and sincere intentions. Attitudes and interests in business are also an internal factor that affects their success. Due to that, society should provide opportunity for asnaf entrepreneurs to change their lives by cooperating with the product that they produced.

Kata Kunci:

Usahawan asnaf, zakat produktif, fakir dan miskin, qardhul al-hasan, faktor kejayaan.

Keyword:

Asnaf entrepreneur, zakat productive, the destitute and poor, qardhul al-hasan, success factor

Copyright © 2018 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pengenalan

Usahawan adalah seseorang yang sanggup mengambil risiko untuk menceburi kerjaya dalam bidang perniagaan dan merupakan pemangkin kepada kemajuan pesat ekonomi serantau [1]. Mereka haruslah mempunyai persediaan yang mampan sama ada dari sudut ilmu pengetahuan, kemahiran dan juga modal perniagaan. Namun, perkara ini adalah mustahil bagi seorang asnaf fakir dan miskin untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya sekiranya tidak dibantu dan disokong. Oleh yang demikian, Islam telah menggariskan beberapa peraturan kewangan dalam mewujudkan dana untuk manfaat umat Islam dan zakat dilihat mampu untuk membantu golongan asnaf ke arah melahirkan usahawan asnaf yang berjaya [2]. Selain itu, Ahmad Sarji dan Ab. Rahim menyatakan zakat juga salah satu pendekatan Islam dalam menyusun dan membangun masyarakat melalui 3 rangkaian iaitu hubungan manusia dengan Allah, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam yang berkait langsung dengan kehidupan dan sosioekonomi umat Islam.

Asnaf adalah golongan yang berhak menerima zakat dan sedekah yang ditentukan Allah SWT di dalam al-quran. Mohd Abd Wahab Fatoni dan Adibah Hasanah menyatakan, usahawan asnaf adalah golongan yang dibentuk untuk menjadi seorang usahawan dan perlu dibantu dari sudut kewangan disebabkan kekurangan kewangan yang ada pada mereka. Menurut Isma Addi [3] usahawan asnaf boleh didefinisikan sebagai individu yang melalui suatu proses penciptaan usaha niaga, mampu memikul tugas, tanggungjawab dan mencuba sebagai peniaga yang dirangsang dengan dorongan dan bantuan daripada institusi zakat di Malaysia terutamanya golongan fakir, miskin dan muallaf miskin.

Sanep [4] menyatakan, bahawa dana zakat boleh digunakan untuk pelaburan serta digunakan sebagai sumber kredit dan boleh diberi dalam bentuk pinjaman. Beliau juga menyatakan modal zakat

didapati mempunyai banyak kelebihan iaitu ia boleh bersifat percuma atau pinjaman qard Hassan. Beliau turut menyatakan mikrokredit asas zakat berpotensi untuk menjadi sumber dana mikrokredit peringkat global. Justeru itu, pengkaji berpendapat, bantuan dana zakat yang diberikan dalam bentuk bantuan modal perniagaan dan kredit kepada usahawan asnaf mampu merealisasikan hasrat golongan asnaf khususnya dan institusi zakat amnya untuk melahirkan golongan usahawan asnaf yang berjaya melalui bantuan zakat produktif.

Asnaf yang mampu berusaha dikategorikan sebagai produktif, manakala mereka yang tidak upaya disebabkan lanjut usia, mempunyai masalah kesihatan, kecacatan dan sebagainya dikategorikan sebagai golongan tidak produktif. Bagi golongan fakir dan miskin di kalangan mereka yang masih memiliki kekuatan fizikal dan mental, yang masih mampu melakukan pekerjaan, maka mereka ini seharusnya diberikan bantuan zakat yang berbentuk produktif seperti bentuk bantuan modal bagi membolehkan mereka berdikari menjalankan usaha sehingga mampu keluar daripada kitaran kemiskinan [5]. Zakat produktif adalah zakat yang diberikan kepada mustahik sebagai modal untuk menjalankan suatu kegiatan ekonomi dalam bentuk usaha, iaitu untuk mengembangkan tingkat ekonomi dan potensi produktiviti mustahik secara berterusan. [6] [7].

Nurul Ilyana berpendapat pengagihan zakat dalam bentuk modal kerja melalui pembiayaan mikro tidak bertentangan dengan teori maqasid syariah yang ingin dicapai. Zakat yang diberikan melalui pembiayaan mikro kepada satu penerima zakat dalam jumlah tertentu adalah untuk memberi kesempatan kepada mereka untuk berusaha secara lebih maksimum dengan adanya modal kerja yang cukup. Dengan itu, mereka mampu membebaskan diri daripada kemiskinan dan akhirnya akan menjadi pembayar zakat. Setiap penerima zakat yang telah menerima zakat produktif akan berusaha untuk berdikari sehingga ia tidak lagi bergantung kepada zakat dan keluar daripada kepompong kemiskinan. Selain itu Islam membenarkan umatnya melakukan transaksi mikro kredit yang tidak terlibat dengan riba. Antaranya melalui kontrak al-qard al-hasan, murabahah, mudarabah dan banyak lagi. Maka, menurut Mustafa al-Zarqa' [8] dan Yusuf al-Qaradawi [9] pengagihan zakat melalui mikro kredit dalam bentuk akad al-qard al-hasan adalah dibenarkan. Ini menunjukkan zakat berpotensi untuk diagihkan dalam bentuk mikro kredit.

Justeru itu, hasil kajian Nurul Ilyana di Baitul Mal Aceh mendapati pembiayaan melalui modal kerja adalah bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi hidup keluarga dan mendidik supaya rajin bekerja serta tidak mengharap bantuan daripada orang lain. Setiap pembiayaan yang diberikan mesti dibayar secara ansuran mengikut sektor masing-masing. Sektor perdagangan perlu membuat ansuran bulanan, manakala sektor pertanian dan penternakan pula perlu membuat ansuran mengikut kesesuaian penerimaan hasil untuk sektor-sektor tersebut. Ansuran yang diterima itu akan digunakan untuk mikro kredit seterusnya kepada penerima zakat yang baru.

2. Kajian Literatur

Zakat diiktiraf sebagai nadi perekonomian Islam dan memberi kesan yang positif di dalam pertumbuhan ekonomi sebagai salah satu alat fiskal yang berkesan untuk menjana pertumbuhan ekonomi dalam masyarakat Islam khususnya di Malaysia [10], [11], [12] dan [13]. Oleh itu, menurut Azman et.al pengagihan zakat yang berkesan kepada asnaf zakat perlu dititik beratkan oleh institusi zakat yang mempunyai sistem pengurusan yang cekap, menyeluruh dan adil agar zakat yang produktif mampu menjana peningkatan ekonomi dan menyumbang ke arah kehidupan yang lebih berkualiti kepada penerima zakat khususnya asnaf fakir dan miskin.

Program ekonomi dan pembangunan usahawan adalah salah satu metod pembaharuan yang dilakukan oleh institusi zakat di Malaysia demi membantu menjana pendapatan golongan asnaf zakat, kaedah terbaik membasmi kemiskinan dan meningkatkan ekonomi ummah [14]. Patmawati

[15] dan Ili Diyana et.al [16] berpendapat, dana zakat yang ada perlu digunakan dengan cekap. Bantuan yang disalurkan haruslah mampu meningkatkan produktiviti golongan asnaf terutamanya fakir dan miskin agar mereka boleh keluar dari kemiskinan dan akhirnya mampu membayar zakat dan memberi impak yang besar kepada ekonomi negara.

Pembinaan model-model untuk pembangunan usahawan asnaf telah dibangunkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu seperti model MIKAZ, model pemindahan teknologi [17], cadangan perniagaan sosial [18], aplikasi MYEMA [19] dan model pembangunan usahawan asnaf MAIDAM (PUASMA) [20] seharusnya menjadi rujukan kepada institusi-institusi zakat untuk melahirkan usahawan asnaf sebagaimana kejayaan MAIWP dan Majlis Agama Islam Selangor yang berjaya melahirkan usahawan asnaf yang boleh dibanggakann sehingga kini. Mohd Sabri et.al dalam kajiannya mendapatkan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berjaya mendapat kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi menambah bilangan pegawai dan staf sokongan sebagaimana yang diperlukan. Begitu juga Majlis Agama Islam Selangor, telah berjaya menujuhkan anak-anak syarikat yang berfungsi secara khusus untuk membangunkan golongan usahawan di Selangor. Kejayaan LZS melahirkan para usahawan telah dirakamkan dalam sebuah catalogue yang berjudul az-Zakah: Spirit, Realisation and Obligation (Achievement of Lembaga Zakat Selangor (MAIS) (2014) dan buku berjudul Jejak-jejak Kejayaan Asnaf Pengalaman LZS memperkasa asnaf zakat (2013). Maka, tidak mustahil kejayaan boleh dicipta oleh golongan usahawan asnaf yang mendapat bantuan modal daripada LZS dan MAIWP.

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan sama ada dalam perusahaan berbentuk mikro atau makro. Dapatan daripada kajian-kajian lepas mendapati faktor dalaman dan luaran mempengaruhi kejayaan seseorang usahawan. Faktor utama adalah aspek individu usahawan itu sendiri sama ada terhadap perusahaan atau sebagai hamba Allah. Sepertimana kajian Fatimah Salwa & Joni Tamkin [21] dan Suhaila, Suhaily, M. Firdaus & M. Sabri [22] mendapati kekuatan ciri keperibadian usahawan itu sendiri terutamanya amalan nilai-nilai agama yang diamalkan dalam kehidupan seharian seperti bersedekah, jujur, amanah dan menjaga solat merupakan faktor kritikal atau penting yang mempengaruhi kejayaan usahawan. Manakala faktor-faktor luaran pula seperti ilmu pengetahuan, kemahiran, bantuan kerajaan dan bukan kerajaan serta minat turut menyumbang kepada kejayaan usahawan dalam perusahaan yang dibangunkan. Kajian Rasbi & Sanep [23] mendapati strategi pembangunan usahawan asnaf tidak memadai difokuskan kepada aspek bantuan modal sahaja tetapi perlu juga disertakan dan dilengkapkan dengan faktor penting yang lain iaitu umur, jantina, tempoh bermula, aspek pemantauan, ciri perniagaan, kecekapan pengurusan zakat, sikap optimis, kemahiran sosial, jaringan sosial, dan pengambil risiko signifikan mempengaruhi kejayaan perniagaan. Kajian [24] mengenai faktor yang mendorong kejayaan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (pks) MARA di daerah Melaka Tengah melalui analisis Korelasi dan Regresi mendapati faktor sikap dan pengetahuan menyumbang kepada kejayaan usahawan MARA. Namun, faktor sikap lebih signifikan mempengaruhi kejayaan usahawan MARA. Suhaila et.al mendapati kemahiran pengurusan, pengalaman pengurusan dan industri, perancangan dan keadaan ekonomi, hubungan sosial, jaringan dan pemasaran mempengaruhi faktor luaran kejayaan seseorang usahawan.

Kajian Suhaini et.al [25] mendapati kemahiran dan latihan merupakan faktor terpenting yang mempengaruhi kejayaan usahawan kecil MARA. Faktor kedua terpenting adalah minat terhadap bidang keusahawanan. Manakala faktor kewangan adalah faktor yang ketiga dan yang keempat adalah faktor perkembangan teknologi. Manakala kajian [26] mendapati pengalaman pengurusan, pengalaman industri, keadaan ekonomi dan kemahiran perancangan merupakan faktor kritikal yang mempengaruhi kejayaan usahawan dalam perniagaan.

Namun, kejayaan golongan usahawan asnaf zakat amat berbeza dengan kejayaan usahawan muslim atau bumiputera yang lain. Pengkaji mendapati faktor kejayaan usahawan asnaf zakat lebih kepada mencari keberkatan dan keredhaan Allah dengan mengamalkan nilai-nilai agama dalam kehidupan seharian sama ada sebagai hamba allah atau sebagai seorang peniaga atau pengusaha kecil-kecilan. Kajian Fatimah Salwa dan Joni Tamkin terhadap usahawan asnaf yang mendapat bantuan modal daripada Lzs mendapati usahawan lebih berjaya dengan mengamalkan nilai-nilai yang diajarkan oleh agama seperti berusaha mencari rezeki yang halal, jujur dalam tindakan, tidak menipu atau khianat dan lain-lain. Ini bukan sahaja dapat menarik lebih ramai pelanggan, bahkan disukai dan diredayai oleh Allah. Modal bukanlah satu alat pengukur yang menyumbang kepada kejayaan usahawan asnaf Selangor.

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Zain, Asyraf, & Mohd Rafi [27] tentang elemen kerohanian terhadap usahawan berjaya di negeri Kelantan mendapati ciri-ciri dan amalan kerohanian wujud dalam kalangan usahawan berjaya iaitu yakin kuasa allah, tawakkal, akhlak, amalan dan qana'ah. Ciri-ciri dan amalan kerohanian ini penting sebagai panduan usahawan meletakkan landasan dalam kegiatan keusahawanan yang berjaya mengikut kerangka Islam. Mereka juga menyatakan usahawan berjaya adalah usahawan yang telah menjalankan aktiviti keusahawanan dalam sesuatu perniagaan dan telah mendapat keuntungan hasil aktiviti tersebut dengan mengamalkan nilai-nilai murni yang dibawa oleh nabi SAW iaitu siddiq, amanah, tabligh fatanah dan mengambil kira matlamat syariah melalui al-dhururiyyah al-khomsah, iaitu melakukan sesuatu aktiviti perniagaan dan keusahawanan dengan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Menurut Sanep [17], seorang usahawan yang ingin berjaya perlu mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan unik dalam diri masing-masing. Oleh itu, untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya perlulah melengkapkan diri dengan ciri-ciri seperti bertanggungjawab, berkeyakinan tinggi, berpengetahuan, berorientasikan perancangan, meminta nasihat daripada pakar-pakar dan mempunyai ciri-ciri keagamaan.

Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan asnaf ikon MAIM. Terdapat banyak kajian-kajian mengenai kejayaan usahawan muslim dan bumiputera dalam bidang perusahaan kecil. Namun begitu, kejayaan usahawan asnaf kurang mendapat perhatian para pengkaji disebabkan mereka adalah penerima zakat produktif yang terdiri daripada usahawan asnaf fakir dan miskin yang mempunyai banyak kelemahan dan kekurangan [28].

3. Metodologi Kajian

Rekabentuk kajian kualitatif digunakan oleh pengkaji dengan melakukan kajian lapangan dan kepustakaan. Data primer diperoleh dengan menggunakan metod temu bual secara bersemuka bersama 2 orang pegawai MAIM di bahagian pinjaman dan pembangunan insan. Selain itu metod kumpulan kajian secara berkumpulan bersama penerima bantuan zakat iaitu usahawan asnaf fakir, miskin dan muallaf yang menerima bantuan modal perniagaan dan pinjaman perniagaan daripada MAIM iaitu seramai 4 orang ikon usahawan asnaf MAIM yang telah berjaya. Data sekunder diperoleh melalui artikel ilmiah, jurnal, kertas kerja persidangan dan laman sesawang rasmi.

4. Dapatan Kajian

4.1 Program Pembangunan Insan MAIM

Zakat Melaka (Pzm) telah dikorporatkan pada April 2001 dimana pengurusan kutipan zakat diletakkan dibawah Pzm manakala agihan zakat diletakkan dibawah Baitulmal Majlis Agama Islam Melaka. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 Seksyen 75 ceraian 1. Majlis

dengan persetujuan Yang di-Pertuan Agong boleh membuat peraturan-peraturan untuk mengawal selia semua perkara yang berhubungan dengan pemungutan,pentadbiran dan pembahagian zakat dan fitrah. Pengurusan zakat negeri Melaka bertanggungjawab dalam mengurus,merancang dan mengawal hal ehwal kebajikan para penerima bantuan yang terdiri daripada semua asnaf yang telah ditentukan. Menyelaras dan membuat siasatan terhadap permohonan bagi mereka yang memerlukan bantuan dan perhatian daripada pihak baitulmal [29].

Perkhidmatan yang disediakan oleh MAIM adalah bantuan makanan bulanan, bantuan am, pinjaman am, bantuan ibn sabil dan agihan fidyah. Manakala bantuan yang diterima oleh asnaf fakir dan miskin ialah bantuan nilai hidup, bantuan galakan pendidikan dan bantuan saraan hidup. Justeru itu, melalui program pembangunan insan program-program untuk usahawan diatur oleh MAIM demi melahirkan usahawan asnaf yang berjaya. Antara program yang diwujudkan ialah forum peningkatan ekonomi asnaf dan kursus, latihan kemahiran dan keusahawanan asnaf bersama pihak jobs Malaysia dan Kolej Komuniti. Manakala, di bawah bantuan nilai hidup diwujudkan satu program iaitu "Ikon Usahawan Asnaf MAIM". Objektif utama program tersebut ialah untuk membantu meningkatkan ekonomi usahawan asnaf fakir dan miskin, membantu usahawan asnaf fakir dan miskin untuk menjana pendapatan sendiri dan tidak hanya bergantung harap kepada bantuan zakat semata-mata dan paling utama kesan untuk jangka masa panjang ialah menjadi salah seorang pembayar zakat untuk negeri Melaka khususnya dan negara amnya [30].

4.2 Ikon Usahawan Asnaf MAIM

Program ini dikhurasukan untuk asnaf daripada fakir, miskin dan muallaf sahaja. Program ini bermula dengan langkah mengenal pasti usahawan-usahawan asnaf terutamanya fakir dan miskin yang telah menjalankan aktiviti perniagaan. Asnaf akan dipilih berdasarkan latar belakang dan kecenderungan mereka dalam perniagaan. Pada tahun 2012, program usahawan telah dibangunkan di bawah program pembangunan insan MAIM dengan meletakkan kelompok usahawan daripda 5 kelompok sasar. Pada peringkat awal MAIM memberi peluang kepada 200 hingga 300 orang sebagai perintis dengan menyediakan kursus-kursus dan seminar-seminar perniagaan. Melalui kursus tersebut, satu saringan dibuat kepada asnaf yang benar-benar berminat dalam lingkungan 30 orang. 2 ke 3 kursus usahawan akan diberikan kepada asnaf agar mendapat pendedahan tentang penyediaan asas modal, perniagaan, barang, pasaran, pembungkusan dan sebagainya. Saringan terakhir dalam lingkungan 30 orang. Peserta akan ditemuduga oleh panel, dan asnaf akan membentangkan kertas kerja. Panel akan membuat penilaian dan memilih asnaf yang berpotensi untuk berjaya. Akhirnya hanya dalam 10 orang berjaya diangkat sebagai "Ikon Usahawan Asnaf MAIM".

Namun begitu, daripada 10 orang hanya 3 orang yang betul-betul berjaya dalam kehidupan mereka dan mengubah kehidupan keluarga daripada belenggu kemiskinan. Seorang "Ikon Usahawan Asnaf MAIM" telah berjaya mendapat anugerah khas daripada pihak JAWHAR pada tahun 2017 iaitu "Anugerah Usahawan Khas" ketika bulan zakat kebangsaan. Manakala seorang asnaf fakir telah memohon untuk keluar daripada penerima bantuan bulanan fakir. Seorang lagi berjaya dalam perniagaan kek lapis Sarawak setelah mendapat bantuan mesin dan peralatan-peralatan lain untuk kegunaan membuat kek lapis Sarawak [31].

Namun, bilangan asnaf yang diletakkan di bawah program Ikon Usahawan Asnaf MAIM kian bertambah iaitu seramai 20 orang yang disasarkan oleh MAIM yang berpotensi untuk berjaya dengan bantuan daripada pihak MAIM sama ada melalui bantuan modal perniagaan, bantuan peralatan perniagaan dan pinjaman perniagaan untuk tahun 2017 dan 2018 [30].

Bentuk bantuan modal perniagaan yang diberikan oleh MAIM kepada usahawan asnaf ini ialah bantuan kewangan berjumlah RM1000 hingga RM5000, pembelian peralatan perniagaan seperti mesin jahit, mesin membuat kek, kanopi, kerusi, meja dan peralatan lain untuk kegunaan perusahaan yang dijalankan dan juga sewaan peremis. Selain itu, pinjaman perniagaan juga diberikan namun, tidak diwara-warakan kepada semua usahawan asnaf. Pinjaman perniagaan akan diberikan kepada usahawan asnaf yang layak berpandukan siasatan yang terperinci dan mendalam tentang latar belakang asnaf tersebut. Skim pinjaman perniagaan adalah secara qardhu al-hasan dengan tujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka dan bersandarkan fatwa bertarikh 20 Disember 2011 yang membenarkan dana zakat digunakan untuk pinjaman perkahwinan dan juga pinjaman perniagaan [32].

4.3 Faktor-Faktor Kejayaan Ikon Usahawan Asnaf MAIM

Ikon Usahawan Asnaf MAIM adalah ikon usahawan yang terdiri daripada asnaf fakir, miskin dan muallaf namun mempunyai semangat dan kekuatan untuk berjaya. Pengkaji memperoleh pelbagai faktor yang menyebabkan mereka boleh berjaya dan mampu meningkatkan kualiti kehidupan dan ekonomi mereka. Berdasarkan temu bual yang dilakukan pengkaji bersama informan-informan yang terdiri daripada 2 orang pegawai daripada MAIM dan 4 orang usahawan asnaf ikon MAIM terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kejayaan ikon usahawan asnaf ini sama ada faktor luaran dan dalaman.

Oleh itu, pengkaji mendapati faktor luaran yang mempengaruhi kejayaan usahawan asnaf MAIM ialah modal atau sumber kewangan yang diperoleh dan ilmu-ilmu tentang perniagaan yang diperoleh melalui seminar-seminar dan kursus-kursus yang dihadiri. Manakala faktor dalaman pula pertama adalah sifat keperibadian usahawan asnaf itu sendiri iaitu nilai-nilai amalan agama yang diamalkan seperti rajin bersedekah, menjaga solat 5 waktu, ikhlas dan yang paling utama mendidik diri tidak mengejar dunia iaitu untuk mendapatkan keuntungan semata-mata. Keduanya sikap usahawan asnaf dan ketiganya minat yang mendalam dalam bidang perniagaan.

1. Faktor luaran yang mempengaruhi kejayaan ikon usahawan asnaf MAIM.

a. Bantuan modal

Kekuatan bantuan modal perniagaan daripada MAIM sama ada berbentuk kewangan atau peralatan adalah faktor utama yang mempengaruhi kejayaan usahawan asnaf ikon MAIM ini. Modal yang diperoleh sama ada secara percuma atau pinjaman digunakan untuk meluaskan pasaran perusahaan yang mereka jalankan. sebagai contoh, seorang usahawan asnaf yang mengusahakan roti arab dan kacang pool memohon pinjaman perniagaan daripada MAIM untuk menambah mesin dan kelengkapan membuat roti arab dan kacang pool. Tujuannya adalah agar pemprosesan pembuatan dapat dibuat dalam kuantiti yang banyak kerana mendapat permintaan yang amat menggalakkan daripada peniaga-peniaga setempat dan luar.

“Perusahaan roti arab dan kacang pool saya mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Oleh itu saya memerlukan sedikit modal untuk menambah bilangan pengeluaran roti arab dan kacang pool saya.”

(R4, Temu bual 4, 25 Januari 2018)

Kajian yang dilakukan oleh Salehuddin *et. al* [33] tentang keberkesanan bantuan modal zakat daripada perspektif penerima mendapati bantuan modal zakat telah berupaya untuk mengubah taraf sosioekonomi penerima ke arah yang lebih baik.

b. Ilmu pengetahuan

Hasil temu bual yang dilakukan pengkaji mendapati setiap usahawan asnaf ikon MAIM ini mempunyai keluaran produk sendiri iaitu roti arab dan kacang pool, kuih sepit dan biskut jari, karipap sejuk beku dan kek coklat dan sambal pantang. Oleh yang demikian, mereka sentiasa berusaha untuk mendapatkan ilmu mengenai bidang perniagaan. Menjadikan ilmu dikedudukan yang teratas menyebabkan mereka sentiasa menghadirkan diri untuk mengikuti sebarang kursus-kursus dan seminar-seminar yang dianjurkan oleh pihak MAIM sendiri, Jabatan Pembangunan Wanita, MARA dan badan-badan bukan kerajaan yang lain. Tiada istilah “cukup dengan apa yang ada” merupakan faktor usahawan asnaf ini sentiasa mencari peluang untuk menimba ilmu mengenai perniagaan terutamanya ilmu mengenai pemasaran, pembungkusan, penjanamaan dan sebaginya yang boleh menarik perhatian orang ramai terhadap produk yang dihasilkan oleh setiap usahawan asnaf. Khidmat nasihat dan latihan yang betul berupaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran usahawan sekaligus menjadikan mereka lebih berdaya saing dan meningkatkan daya kreativiti dalam persekitaran perniagaan yang mencabar [34] & [35].

Sanep menyatakan usahawan yang berjaya adalah mereka yang mempunyai pengetahuan yang luas dan mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan. Beliau juga menyatakan usahawan asnaf adalah usahawan yang terdiri daripada asnaf fakir dan miskin yang mempunyai banyak kekurangan. Oleh itu, mereka harus dibantu dan disokong sepenuhnya dari sudut metarial, fizikal dan mental. Hasnah et.al juga menyatakan apabila mempunyai ilmu pengetahuan yang luas, maka seseorang usahawan ataupun peniaga Melayu dapat mempunyai tahap keyakinan yang tinggi dalam diri mereka kerana ilmu yang dibekalkan mencukupi.

c. Sokongan dan bantuan keluarga dan rakan-rakan asnaf

Sokongan daripada ahli keluarga terdekat dan sahabat handai merupakan faktor penting yang membawa kepada kejayaan usahawan asnaf ikon MAIM. Ahli keluarga membantu mempromosikan produk dan membeli produk mereka selain daripada bantuan kewangan yang dihulurkan. Selain itu, sikap saling bantu-membantu antara sesama asnaf yang menjalankan sesuatu peusahaan juga menjadi faktor penting kejayaan usahawan asnaf. Mereka saling membantu mempromosikan produk keluaran masing-masing kepada masyarakat setempat dan ahli keluarga masing-masing. Sebagai contoh, pengusaha roti arab dan kacang pool yang dilihat mempunyai kelebihan dari segi ilmu perniagaan akan memberi tunjuk ajar dan membimbang rakan-rakan usahawan asnaf yang lain dari segi cara membuat buku tunai, memberi pendedahan mengenai pembungkusan dan pasaran. Kerjasama ini membuatkan hubungan mereka menjadi lebih akrab dan berjaya dalam perusahaan yang dijalankan.

2. Faktor dalaman yang mempengaruhi kejayaan ikon usahawan asnaf MAIM.

a. Amalan nilai-nilai agama.

Amalan nilai-nilai agama yang dipegang dan diamalkan dalam kehidupan seharian merupakan faktor utama kejayaan usahawan asnaf dalam perniagaan yang dijalankan. Amalan suka bersedekah dan mengamalkan konsep “rezeki milik Allah” adalah faktor utama yang mendidik mereka menjadi seorang usahawan yang sentiasa bersyukur dengan nikmat Allah selain menjaga kewajipan sebagai seorang Islam iaitu solat 5 waktu. Seorang usahawan asnaf yang membuat roti arab dan kacang pool menyatakan apabila perut kenyang dan terlalu sibuk dengan perniagaan akan menyebabkan beliau

mudah lupa dengan kewajipan terhadap Allah. Oleh itu, beliau sentiasa menahan diri atau berpuasa agar perut tidak sentiasa kenyang sepetimana ketika kehidupan sebelum ini untuk mendidik diri tidak mudah lupa dengan Allah.

“...Saya sentiasa berlapar agar saya tidak mudah lupa dengan Allah”

(R4, Temu bual 4, 25 Januari 2018)

Seorang lagi pengusaha kantin dan sambal pantang mengambil inisiatif diri dengan menyediakan sebuah almari di masjid Al-Rasyidin Alor Gajah Melaka dan meletakkan keperluan dapur seperti gula, tepung, minyak, beras, kicap dan air manis setiap bulan untuk keperluan orang ramai yang dalam kesempitan hidup. Keperluan tersebut diberikan secara percuma sahaja. Inilah antara cara untuk mereka mendekatkan diri dengan Allah dan mensyukuri sedikit nikmat yang Allah berikan kepada mereka.

“Saya pernah hidup susah, oleh itu atas inisiatif diri salah satu cara yang saya lakukan ialah meletakkan barang-barang keperluan dapur di satu sudut di masjid Ar-Rasyidin agar mereka yang susah boleh mengambilnya.”

(R3, Temu bual 3, 25 Januari 2018)

Kajian M. Zain Mubarak *et. al* mengenai elemen kerohanian dalam keusahawanan Islam: kajian terhadap usahawan berjaya di negeri Kelantan mendapat bahawa aspek kerohanian memainkan peranan penting terhadap motivasi dan pencapaian usahawan. Kerohanian yang berkait rapat dengan unsur dalaman berasaskan keimanan kepada Allah SWT telah membentuk sikap positif dan turut mempengaruhi tindakan usahawan dalam kegiatan keusahawanan. Manakala Buerah Tunggak *et. al* [36] menyatakan proses pendidikan berterusan dan ilmu pengetahuan perlu untuk memantapkan keimanan yang seterusnya mempengaruhi pembentukan sikap, nilai dan etika usahawan muslim. Manakala menurut [37] ciri-ciri peribadi keusahawanan terbentuk hasil daripada kesusahan hidup yang dilalui semasa hidup.

b. Sikap

Berpegang kepada prinsip “jangan berputus asa” menyebabkan usahawan asnaf ini menjalankan tanggungjawab sebagai seorang peniaga atau pengusaha dengan penuh dedikasi. Mereka akan berusaha dengan bersungguh-sungguh memikul amanah supaya tidak kembali kepada kehidupan lalu. Kesusahan dan kesempitan hidup memberi kenangan pahit kepada mereka dan tidak menginginkan ianya diwarisi oleh keturunan mereka pada masa akan datang.

“Saya pernah gagal dalam perniagaan, dahulu saya menjual goreng pisang di dataran keris Alor, Gajah. Akibat sukar mendapat lesen perniagaan daripada Majlis Daerah menyebabkan saya kehilangan punca pendapatan. Namun, ianya bukanlah halangan untuk saya menjadi lemah. Saya berusaha mendapatkan pinjaman perniagaan daripada pihak MAIM dan Alhamdulillah berjaya. Bermula daripada situ saya memulakan perusahaan menjual kuih muih tradisional dan sedikit daripada keuntungan yang diperoleh, saya berjaya menjadi seorang pengusaha kantin sekolah pada hari ini.”

(R3, temu bual 3, 25 Januari 2018)

Beliau kini mengusahakan kantin sekolah dan mempunyai 2 orang pekerja iaitu seorang tukang masak yang dibayar gaji sebanyak RM50 sehari dan seorang pekerja pembersihan, gaji RM35 sehari. Begitu juga usahawan asnaf yang membuat roti arab dan kacang pool, beliau juga menghasilkan sos bbq, kebab, sabun gleserin dan serai wangi dengan tunjuk ajar daripada MARDI. Beliau menyatakan, lambakan pengusaha kedai makan dan pembuatan makanan menyebabkan berlakunya persaingan

sengit antara pengusaha-pengusaha. Oleh itu, atas tunjuk ajar daripada MARDI, beliau menghasilkan beberapa produk untuk kegunaan awam.

“Saya juga menghasilkan sabun gleserin, serai wangi dengan kerjasama daripada MARDI. Saya juga mempelawa asnaf-asnaf di luar sana untuk menghasilkan produk ini, dimana tempat pemprosesannya disediakan oleh MARDI. Pengeluaran yang boleh dikeluarkan dalam sehari ialah sebanyak 500 biji sabun. Lamabakan pengusaha-pengusaha makanan menyebabkan saya mencari satu alternatif lain untuk membolehkan saya pelbagaikan keluaran dan boleh membantu asnaf-asnaf lain untuk menjana pendapatan.”

(R4, temu bual 4, 25 Januari 2018)

Begitu juga dengan pengusaha kuih sepit dan biskut jari dan kuih karipap sejuk beku mendapat sambutan daripada kedai-kedai runcit sekitar Alor gajah atas usaha mereka keluar berniaga setiap hari. Tidak hanya menunggu pelanggan di rumah sahaja.

“Setiap hari saya akan keluar ke kedai-kedai makan, mini market dan kios-kios untuk meletakkan produk saya dan memastikan produk saya tidak terputus.”

(R1 & R2, temu bual, 24 Januari 2018)

Selain itu, mereka juga memasarkan dan mempromosikan hasil produk melalui media elektronik seperti dalam facebook dan instagram.

c. Minat

Minat yang mendalam dalam bidang perniagaan merupakan salah satu faktor usahawan asnaf MAIM berjaya menghasilkan produk keluaran masing-masing selain daripada bakat yang sedia ada. Apabila minat timbul maka, segala tanggungjawab akan dilakukan dengan penuh tekun dan ikhlas. Kesemua 4 orang usahawan asnaf MAIM menyatakan minat mereka dalam bidang keusahawanan menyebabkan mereka berani menceburkan diri dalam perniagaan.

“Saya memang berminat dengan perniagaan dan saya suka untuk menjual kuih muih hasil tangan saya sendiri selain bakat yang ada dalam diri saya. Saya amat bersyukur dengan nikmat Allah ini.”

(R1 & R2, temu bual 24 Januari 2018)

(R3, temu bual 25 Januari 2018)

5. Kesimpulan

Kekurangan yang ada pada diri usahawan asnaf merupakan motivasi kepada mereka untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. Keinginan untuk mengubah kualiti kehidupan dan tidak ingin kesusaahan hidup itu diwarisi oleh keturunan mereka pada masa akan datang merupakan faktor utama usahawan asnaf berusaha untuk memajukan diri mereka. Bimbingan dan pemantauan daripada institusi zakat khususnya MAIM dan institusi zakat di setiap negeri amnya perlu dilakukan sehingga mereka menjadi seorang usahawan yang benar-benar berjaya dan seterusnya mampu membayar zakat dan menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara. Bimbingan dan latihan berterusan harus diberikan kepada usahawan asnaf agar tidak mencipta kegagalan dalam perusahaan yang diusahakan. Selain itu, kerjasama daripada masyarakat juga amat digalakkan dalam membantu kejayaan usahawan asnaf.

Rujukan

- [1] Hasnah, Norhafizah, Sanep, Faktor Mempengaruhi Kejayaan Usahawan Peruncitan Melayu: Satu Kajian Kes, Prosiding Perkem V, 2 (2010) 141-151
- [2] Balwi, Mohd Abd Wahab Fatoni Mohd, and Adibah Hasanah Abd Halim. "Mobilisasi zakat dalam perwujudan usahawan asnaf: satu tinjauan." *Jurnal Syariah* 16, no. Keluaran Khas (2008): 567-584.
- [3] I.Addi, "Usahawan Asnaf Basmi Miskin Tegar" dalam Utusan Malaysia On-Line, <http://www.utusan.com.my/utusan/info>, 22 Mei 2007
- [4] Sanep, Bantuan Modal Zakat : Sumber Mikrokredit, Dlm. Developing Regional Economy Through Networking: Role Of Small Medium Enterprises (SME's)", hlm. 1-17 (2008)
- [5] Patmawati Ibrahim.Potential role of zakat distribution in reducing inequality among the muslim society, Dlm teori dan aplikasi kontemporari sistem ekonomi Islam di Malaysia, pty. Abdullah Alwi Hj Hassan et al. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- [6] Anwar, D. R. "PEMBERDAYAAN ZAKAT PRODUKTIF MENURUT HUKUM ISLAM."
- [7] Muhammad Sanusi, & Maulana Ihsan Fairi. 2016. Zakat Produktif. Yogyakarta
- [8] Mustafa Ahmad al-Zarqa'. Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami. bil 3,vol. 1. (1987:404)
- [9] Yusuf al-Qaradawi. Athar al-Zakat fi Afrad wa al-Mujtama', Majallat Majma' al-Fiqh al-Islami.(1984:45)
- [10] M. Yusoff, Zakat Distribution, Education And Real Income Per Capita In Malaysia. 5 (2011) 43-47
- [11] Teh Suhaila, Aza Shahnaz, & Noraini. 2012. Impak Agihan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Di Selangor. Proceeding Of The 2nd International Conference On Economics & Banking 2016 (May):1-6
- [12] Adnan, Nurul Ilyana Muhd. "Mikro kredit daripada dana zakat di Baitul Mal Aceh dan potensi pelaksanaannya di institusi-institusi zakat di Malaysia." PhD diss., Universiti Sains Malaysia, 2015.
- [13] Nurul Ilyana. 2014. Pembinaan Model Zakat Mikro Kredit:Satu Kajian Awal. Dlm. Proceeding International Conference On Islamic Jurisprudence (ICIJ) 2016, Hlm. 592-597
- [14] Ab Rahman, Azman, Mohamad Yazis Ali Basah, Mahdhir Abdullah, Mohammad Noorizzudin Nooh, and Ahmad Anis Mohd Fauzi. "Keberkesanan Program Usahawan Asnaf oleh Institusi Zakat Dalam Menginterpretasikan Keharmonian Ummah." In *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic. Kuala Lumpur*. 2014.
- [15] Ibrahim, Patmawati. "Pembangunan ekonomi melalui agihan zakat: Tinjauan empirikal." *Jurnal Syariah* 16, no. 2 (2008): 223-244.
- [16] Yusop, Ili Diyana, Sanep Ahmad, and Hairunnizam Wahid. "Zakat: Analisis Pengurusan dan Trend Agihan di Melaka." *PROSIDING PERKEM VIII* 2 (2013): 926-937.
- [17] Sanep Ahmad, Membangun Keusahawanan Asnaf: Analisis Konsep Model Pemindahan Teknologi, Prosiding PERKEM VII, Jilid 1 (2012) 709 – 715
- [18] Najwa, Hairunnizam & Sanep, Penjanaan Semula Ekonomi Asnaf: Cadangan Perniagaan Sosial, Prosiding Perkem VIII, 1 (2013) 1 – 10
- [19] Azman, A. R., Mohamad Yazis Ali Basah, Mohammad Noorizzuddin Nooh, Mahdhir Abdullah, Ahmad Anis Mohd Fauzi, and Mohd Faez Abu Bakar. "Program Usahawan Bagi Memperkasakan Ekonomi Golongan Asnaf: Pemantauan daripada Aplikasi MYEMA." *Journal of Fatwa Management and Research* 7 (2017): 57-74.
- [20] M. Sabri, Zainudin, Rohana, M. Ariff & Azian, Model Pembangunan Usahawan Asnaf Maidam (Puasma), dlm Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017, 111-124
- [21] Hadi, Fatimah Salwa Abd, and Joni Tamkin Borhan. "FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN PERNIAGAAN KHADIJAH BINTI KHUWAILID: ANALISIS TERHADAP USAHAWAN ASNAF DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR." *Jurnal Syariah* 21, no. 2 (2014).
- [22] Nadzri, Suhaila, Suhaily Md Shamsudin, and Muhammad Firdaus Muhammad Sabri. "Faktor-faktor penyumbang kepada kejayaan dan kegagalan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bumiputera di Malaysia." In *E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah (CoMM 2014)*, pp. 191-200. 2014.
- [23] Rahman, Rosbi Abd, and Sanep Ahmad. "Strategi Pembangunan Keusahawanan Asnaf Fakir dan Miskin melalui Agihan Bantuan Modal Zakat." *Jurnal Pengurusan* 33 (2011): 37-44.
- [24] Yusoff, Mohammed B. "Zakat distribution, education, and real income per capita in Malaysia." *Review of Strategic and International Studies* 6, no. 3 (2014).
- [25] Suhaini, Norhasyila, & Yuslina. Faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan usahawan kecil mara di negeri Perlis.(t.th) 1-14.
- [26] Manaf, Azmi Abdul, Nik Hairi Omar, and Lee Kuan Yee. "Faktor kritikal kejayaan usahawan dalam perniagaan." e-BANGI: *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 7 (2012): 34-45.

-
- [27] Mubarak, Mohd Zain, and Mohd Rafi Yaacob. "Elemen kerohanian dalam keusahawanan Islam: kajian terhadap usahawan berjaya di negeri Kelantan." *Journal of Business and Social Development* 3, no. 1 (2015): 43-53.
 - [28] Riyaldi, Muhammad Haris. "FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEBERHASILAN PENERIMA ZAKAT PRODUKTIF BAITUL MAL ACEH: SATU ANALISIS." *Jurnal Perspektif Ekonomi Darussalam* 1, no. 2 (2015): 185-202.
 - [29] <http://www.maim.gov.my/index.php/my/contact/program-pembangunan-insan>
 - [30] M. Syahmirul Akmal, temu bual 1, 28 Disember 2017
 - [31] M. Hairulamin, temu bual 2, 9 Januari 2018.
 - [32] Mohammad Azli, Zaini, Pembaharuan Metode Agihan Zakat Dalam Meningkatkan Ekonomi Golongan Fakir Dan Miskin Di Majlis Agama Islam Melaka, t.t, 209-225
 - [33] Solehuddin, Nurmaizura, & Hairunnizam. 2017. Keberkesanan bantuan modal zakat daripada perspektif penerima: kajian di daerah Kuala Terengganu dan Kuala Nerus, Terengganu. Dlm. Hairunnizam, Mohd Ali, Adibah, & Mohammad Tajuddin (pnyt.). Pengurusan Zakat di Malaysia Satu pendekatan Analisis Gelagat, Selangor, Bangi: UKM Holdings sdn.bhd.
 - [34] Manaf, Azmi Abdul, Nik Hairi Omar, and Lee Kuan Yee. "Faktor kritikal kejayaan usahawan dalam perniagaan." *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 7 (2012): 34-45.
 - [35] Nor Azira, Sity Daud, Muhamad Takiyuddin, Malaysian Journal of Society and Space 12 : 5 (2016) 115 – 129
 - [36] Tunggak, Buerah, Hussin Salamon, and Baharin Abu. "Pengaruh Faktor-Faktor Demografi Terhadap Budaya Niaga Usahawan Bumiputera Muslim." *Jurnal Kemanusiaan* 10, no. 2 (2012).
 - [37] Manfred F.R. Kets de Vries, The Entrepreneurial Personality: A Person at the Crossroads, *Journal of Management Studies*, 14 (2007) 34-57.